



**KETERLIBATAN** remaja dalam penagihan dadah banyak dipengaruhi oleh pengaruh rakan sebaya dan persekitaran.

## SALAH LAKU JUVENIL

# MASIH ADAKAH PENYELESAIAN?

SALAH laku juvenil merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh mereka yang berusia sekitar tujuh hingga 18 tahun yang dianggap sebagai perbuatan jenayah jika dilakukan oleh orang dewasa. Mahkamah juvenil diwujudkan untuk mengendalikan kes golongan di bawah umur ini dengan menggunakan kod juvenil iaitu undang-undang yang digubal khas untuk menangani masalah perkembangan kanak-kanak serta psikologi remaja.

Penyelidikan tentang salah laku juvenil mendapati kebanyakan remaja yang terlibat dalam salah laku ini disebabkan oleh pelbagai faktor. Terdapat banyak penjelasan tentang masalah juvenil, tetapi tiada satu pun yang boleh berdiri sendiri sebagai penjelasan yang lengkap. Hal ini berlaku kerana banyak faktor yang terlibat, selain bermacam-macam interaksi sosial

yang menyebabkan seorang pesalah juvenil berkelakuan sedemikian.

Faktor-faktor penyebab ini pula berkait rapat antara satu sama lain dan wujud secara serentak. Penyebab ini berfungsi secara kumulatif; lebih banyak faktor penyebab yang terlibat, maka lebih besar kemungkinan wujudnya kelakuan negatif yang lebih teruk. Terdapat banyak bukti

yang memperlihatkan bahawa sesuatu masalah kelakuan itu cenderung berlaku secara berkelompok.

Sebagai contoh, keganasan (*violence*) biasanya wujud bersama-sama dengan penyalahgunaan dadah, kelakuan buruk di sekolah, dan keciciran persekolahan. Bukti lain ialah kemiskinan yang ekstrem boleh menyebabkan penyalahgunaan da-

dah, masalah melanggar undang-undang, keciciran persekolahan, dan keganasan. Keganasan dalam kalangan pesalah juvenil pula boleh disebabkan oleh dadah dan juga senjata api yang senang diperolehi dalam sesebuah masyarakat, pemaparan kekerasan dan keganasan dalam media, keadaan kemiskinan yang ekstrem, konflik keluarga, kegagalan di sekolah, sikap memberontak pada seseorang individu itu, serta pengaruh negatif rakan sebaya.

Banyak penyelidikan yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA, Majlis Belia India Malaysia, serta Pergerakan Pemuda UMNO dalam mengenal pasti punca berlakunya salah laku juvenil ini. Secara keseluruhan, kebanyakan agensi ini mendapati sejarah "hitam" kehidupan peribadi seseorang remaja banyak melemahkan daya tahanan moral mereka. Kelemahan ini boleh menyebabkan mereka melakukan segala macam perbuatan yang melanggar undang-undang dan terjebak dalam salah laku juvenil.

Faktor yang menyebabkan salah laku juvenil berlaku datang daripada sekurang-kurangnya empat elemen utama iaitu masyarakat, keluarga, sekolah, serta rakan sebaya (termasuk diri sendiri).

Dalam elemen masyarakat ini, unsur yang mendorong kepada salah laku juvenil tercetus apabila masyarakat kurang memberikan perhatian terhadap masalah dadah yang senang diperolehi, senjata api yang juga mudah diperolehi, undang-undang yang tidak cukup untuk mendakwa mereka yang terlibat dalam jenayah, pemaparan tentang kekerasan dan keganasan dalam media, hubungan tidak erat sesama ahli masyarakat, dan keadaan kemiskinan yang ekstrem.

Elemen keluarga pula meliputi sejarah keluarga yang mempunyai masalah kelakuan, pengurusan masalah keluarga yang kurang cekap, konflik dalam keluarga, sikap ibu bapa yang buruk, dan keterlibatan mereka dalam kancah sosial. Kesemua ini merupakan unsur yang boleh mendatangkan risiko kepada remaja dalam menghadapi masalah kelakuan yang kemudiannya boleh membawa kepada salah laku juvenil.

Bagi elemen sekolah, kurangnya il-tizam dan tanggungjawab yang diperlihatkan oleh seseorang pelajar itu seawal sekolah rendah lagi merupakan antara penyebab penting yang membawa kepada berlakunya salah laku juvenil.

Beberapa faktor dikenal pasti sebagai penyebab kepada salah laku juvenil daripada elemen rakan sebaya dan diri pesalah juvenil yang terbabit. Antara yang penting termasuklah kelakuan antisosial yang berulang-ulang, sikap memberontak, pe-



ngaruh daripada rakan-rakan yang mempunyai masalah kelakuan, dan sikap buruk seseorang itu.

Daripada faktor penyebab inilah lahirnya kaedah pencegahan terhadap salah laku juvenil yang beroperasi melalui tiga cara. Pertama, kaedah pencegahan ini merupakan "alat penahanan" yang melemahkan unsur yang boleh mendatangkan risiko kepada remaja untuk melakukan perkara yang melanggar undang-undang. Dengan kata lain, ia merupakan perlindungan kepada kesan negatif yang bakal timbul. Sokongan sosial dalam apa-apa bentuk, misalnya daripada masyarakat (mengurangkan pemaparan kekerasan dan keganasan dalam media elektronik), keluarga (kurangkan konflik dalam keluarga), dan sekolah (mempertingkatkan pemantauan

agar remaja yang bermasalah dengan menerima kaunseling seawal yang mungkin), merupakan contoh kaedah pencegahan corak pertama ini.

Kedua, kaedah pencegahan ini boleh bertindak sebagai penghalang kepada proses yang menyebabkan berlakunya salah laku juvenil. Sebagai contoh, campur tangan pihak sekolah untuk mengurangkan dan menyelesaikan konflik keluarga yang sedang berlaku. Campur tangan begini didapati boleh menghalang berlakunya rantaian peristiwa yang membawa kepada kesan negatif, seperti hubungan kekeluargaan yang tidak rapat, keluarga yang berpecah-belah, dan mungkin penyalahgunaan dadah sebagai jalan keluar yang dipilih oleh remaja yang menghadapi masalah keluarga.



Faktor yang menyebabkan salah laku juvenil berlaku datang daripada sekurang-kurangnya empat elemen utama iaitu masyarakat, keluarga, sekolah, serta rakan sebaya (termasuk diri sendiri).

**HUBUNGAN** rapat antara ahli keluarga boleh mengelakkan remaja daripada terjebak dalam sosial.

berkawan dengan kanak-kanak dan remaja yang nakal dan rosak akhlak.

Hubungan mesra antara ibu bapa dengan anak-anak merupakan cara pencegahan yang paling efektif daripada keluarga. Konflik dalam keluarga boleh menyebabkan kurangnya penglibatan daripada ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Ia juga boleh membantutkan komunikasi antara ibu bapa dengan anak-anak.

Kaedah pencegahan dalam diri seseorang pesalah juvenil antaranya merangkumi pemerolehan kemahiran personal dan sosial seperti bertimbang rasa, tidak agresif serta sikap bertanggungjawab.

Kesemua cara pencegahan ini didapati berjaya mengurangkan beberapa kesan negatif. Antaranya termasuklah masalah kelakuan, kegagalan di sekolah, kesihatan fizikal yang tidak baik, kecederaan fizikal, buli dan penderaan, kehamilan remaja, penyalahgunaan dadah, dan jangkitan penyakit HIV/AIDS. Jabatan Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA sebagai contoh mengakui beberapa cara pencegahan ini memperlihatkan kejayaan dalam menangani beberapa kes salah laku juvenil.

Satu lagi kaedah pencegahan yang tidak kurang hebat kesannya ialah agama iaitu kepercayaan kepada wujudnya Tuhan dan kebesaran-Nya. Tidak banyak penyelidikan yang dilakukan untuk meneliti hubungan kait agama dengan salah laku juvenil. Tidak dapat dinafikan bahawa agama mempunyai pengaruh dalam pencegahan salah laku juvenil. Barangkali, kesannya tidak bersifat langsung seperti yang lain-lain, misalnya dasar sosial untuk membasmi kemiskinan dalam sesebuah kawasan kriminogenik, iaitu kawasan yang mencatat kadar jenayah yang tinggi. Kesan agama dalam hal ini barangkali boleh ditinjau daripada beberapa ciri utama keagamaan, iaitu dari segi aspek nilai, kepercayaan, dan kerohanian dalam kehidupan seseorang itu.

Salah laku juvenil merupakan kelakuan songsang dalam kalangan remaja yang didapati menyimpang daripada standard moral. Kelakuan begini sudah mulai mendapat perhatian nasional kerana norma yang dicabuli oleh golongan muda ini adalah serius. Oleh sebab itu, penelitian tentang faktor penyebab dan kaedah pencegahannya merupakan kerangka penting dalam menangani isu salah laku juvenil di Malaysia. ■

*Profesor Madya Dr. Teo Kok Seong ialah pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Ketiga, kaedah pencegahan ini boleh dianggap sebagai unsur yang boleh menghalang berlakunya faktor penyebab pertama yang kemudiannya boleh mendatangkan kesan buruk yang lain. Contohnya, usaha untuk menghalang berlakunya penderaan kepada kanak-kanak. Sifat baik dan pembawaan positif seperti tingkah laku tenang dan bertimbang rasa merupakan ciri mulia yang harus ada pada seseorang itu. Ciri begini pasti dapat melindungi kanak-kanak daripada didera.

Daripada sekian banyak penyelidikan tentang salah laku juvenil, hakikatnya kaedah pencegahan harus datang daripada masyarakat, sekolah, rakan sebaya, keluarga, dan individu itu sendiri. Daripada masyarakat, teladan terhadap norma sosial yang baik serta pelaksanaan dasar so-

sial yang berkesan (misalnya mengatasi masalah kemiskinan) merupakan antara cara pencegahan yang baik. Sumbangan sekolah dalam hal pencegahan ini boleh berupa kualiti pendidikan yang dibekalkan yang turut memberikan penekanan kepada aspek pembangunan insan selain membekalkan ilmu daripada dimensi akademik. Sekolah juga hendaklah ditadbir dengan baik agar pelajar mempunyai perasaan pertalian yang tinggi dengan sekolah selain motivasi untuk berjaya dalam pelajaran.

Contoh daripada aspek kelakuan positif rakan sebaya didapati amat penting dalam usaha pencegahan salah laku juvenil. Pergaulan dalam golongan muda ini harus selalu dipantau oleh masyarakat, sekolah, dan keluarga, agar mereka tidak